



KENYATAAN MEDIA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)

PARLIMEN DIPERKUKUH PERANANNYA DALAM PROSES
PELANTIKAN PENDAKWA RAYA

KUALA LUMPUR, 25 JUN 2026 – Kerajaan MADANI terus memperkukuh peranan Parlimen dalam proses pelantikan Pendakwa Raya di bawah cadangan pindaan berkaitan pemisahan fungsi Peguam Negara dan Pendakwa Raya, yang merupakan antara syor yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pindaan Perlembagaan Berkaitan Pengasingan Peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya (JKPK).

Cadangan ini merupakan suatu pembaharuan institusi yang signifikan dan julung kali diperkenalkan di Malaysia, di mana Parlimen diberikan peranan dalam proses pelantikan Pendakwa Raya sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh akauntabiliti dan mekanisme semak dan imbang institusi, selaras dengan Perlembagaan Persekutuan serta menghormati kedudukan Yang di-Pertuan Agong dan struktur asas pentadbiran negara.

Dalam hal ini, Parlimen akan menetapkan tatacara pelaksanaan peranannya dalam proses pelantikan Pendakwa Raya dan prosedurnya sendiri selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Perincian lanjut mengenai tatacara pelantikan termasuk cara pemakluman akan dibuat kepada Parlimen dan cara pemberian ulasan oleh Parlimen sebelum Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP) memberikan nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong akan diperuntukkan melalui undang-undang Persekutuan.

Dari segi pelaksanaannya, mekanisme penglibatan Parlimen akan digerakkan melalui penubuhan suatu Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen di bawah Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat bagi meneliti senarai calon Pendakwa Raya. JKPK juga telah bersetuju bahawa setelah dimaklumkan oleh SPKP mengenai senarai calon-calon tersebut, Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang ditubuhkan akan memberikan ulasan yang meliputi penilaian dan syor sama ada untuk mengesyorkan (*recommend*) atau tidak mengesyorkan (*disrecommend*) terhadap mana-mana calon-calon yang dikemukakan. Sebarang isu berkaitan kerahsiaan calon-calon akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen berdasarkan perundangan dan peraturan yang berkuat kuasa.

Reformasi pemisahan fungsi Peguam Negara dan Pendakwa Raya merupakan suatu reformasi institusi yang besar dan sangat kompleks. Saya juga ingin menegaskan bahawa perkara ini telah dibincangkan secara mendalam melalui JKPK yang keanggotaannya merentasi blok Kerajaan dan pembangkang serta melibatkan pelbagai parti politik. Pandangan dan syor yang dikemukakan oleh ahli-ahli Jawatankuasa telah dipertimbangkan dalam merangka cadangan pindaan ini.

Saya berharap semua Ahli-Ahli Parlimen daripada Kerajaan mahupun Pembangkang dapat bersama-sama menyokong usaha reformasi institusi ini. Reformasi ini bukan mengenai mana-mana pihak, tetapi mengenai kepentingan negara kita. Semoga usaha murni Kerajaan MADANI ini dapat memperkukuh institusi negara, menegakkan kedaulatan undang-undang dan memberi manfaat kepada rakyat dan generasi akan datang.

AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)
25 Jun 2026

